

MODUL
BAHASA MELAYU
SJK
TAHUN 6
UNIT 20 WARISAN
BERHARGA

NAMA : _____

KELAS : _____



UNIT 20 WARISAN BERHARGA

Peliharaan Warisan Kita

Profesor Azmi : Mengapakah bangunan warisan perlu dipelihara? Boleh
_____ jelaskan?

Tan Sri Hashim : Bangunan warisan perlu dipelihara kerana bangunan ini
mempunyai nilai seni dan estetik yang tinggi.

Profesor Azmi : _____?

Datuk Mohan : Pandangan saya seperti pandangan Tan Sri Hashim. Bangunan
warisan amat tinggi nilai seninya.

Profesor Azmi : _____?

Datin Aliah : Bangunan warisan seperti _____

Setelah forum itu selesai, Profesor Azmi berbual-bual dengan panel forum
tersebut.

Profesor Azmi : _____.

Datin Aliah : Sama-sama, Profesor Azmi. Saya berbesar hati kerana dapat
menjayakan forum ini.

Profesor Azmi : Tan Sri Hashim : Terima kasih, Profesor Azmi. Saya berharap
agar pandangan saya dapat menyedarkan masyarakat kita

Bangunan Parlimen

(buat ulasan tentang bangunan Parlimen)

Bangunan Parlimen terletak di kawasan Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur. Bangunan ini dirasmikan pembukaannya pada 2 November 1963 oleh Yang di-Pertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail.

Bangunan yang menjadi simbol demokrasi negara kita melibatkan kos pembinaan sebanyak RM18 juta. Lebih daripada sejuta batu bata, 2200 tan besi waja, 54 000 tan konkrit, 200 000 kampit simen, dan 300 tan kaca telah digunakan dalam pembinaannya.

Keseluruhan bangunan ini menggunakan kaca yang dapat menyerap haba dan cahaya. **Terawang** berukir yang diperbuat daripada konkrit dibina untuk menghalang sinaran cahaya matahari.

Pada tahun 2007, bangunan Parlimen Malaysia telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bangunan ini perlulah dipelihara kerana merupakan warisan berharga kepada seluruh rakyat Malaysia.

Kuil Sri Poyyata Vinayagar Moorthi

Ruben dan kawan-kawannya telah menyertai lawatan sambil belajar ke Melaka. Lawatan yang dianjurkan oleh Kelab Budaya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang itu diadakan pada 19 Ogos 2016.

Lawatan ini disertai oleh 40 orang ahli Kelab Budaya dan empat orang guru pengiring.

Tujuan lawatan itu dianjurkan adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan para peserta tentang bangunan warisan yang terdapat di Melaka.

Bangunan warisan yang menarik perhatian Ruben ialah Kuil Sri Poyyata Vinayagar Moorthi. Kuil itu terletak di Jalan Tukang Emas, Bandar Melaka.

Bagi Ruben, lawatan tersebut sangat bermanfaat. Dia teruja kerana dapat melihat seni bina yang sungguh menarik dan unik.

Pendahuluan

Melaka – 19 Ogos 2016

| Isi |

Isi 2

Isi 3

Penutup

- gembira
 - bermagnet

Membina karangan

Bina karangan berdasarkan maklumat di atas
